



TERMA DAN SYARAT – KEMPEN AKTIFKAN, BELANJA & DAPATKAN

PULANGAN TUNAI RM50

TERMS AND CONDITIONS – ACTIVATE, SPEND & GET RM50 CASH BACK REWARD CAMPAIGN

TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

1. Kempen “Aktifkan, Belanja & Dapatkan RM50 Ganjaran Pulangan Tunai” (“Kempen”) dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (“BSN”) dan akan berlangsung dari **1 April 2025 hingga 30 Jun 2025**, termasuk kedua-dua tarikh, sementara stok Ganjaran Pulangan Tunai masih ada (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan sebaliknya.
*The “Activate, Spend & Get RM50 Cash Back Reward Campaign” (“Campaign”) is organized by Bank Simpanan Nasional (“BSN”) and will be held from **1 April 2025 until 30 June 2025**, both dates are inclusive, while the Cash Back Rewards stock lasts (“Campaign Period”), unless notified otherwise.*
2. BSN merizabkan hak untuk meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa, dengan memberi notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan dalam Klaus 38 di bawah. Semua penyertaan yang diterima selepas Tempoh Kempen tamat adalah dianggap tidak diterima dan/atau terbatal.
BSN reserves the right to vary the Campaign Period at any time, by giving a prior notice within the period BSN deems reasonable before the changes take effect subject to provisions in Clause 38 herein below. All applications received after the Campaign Period will not be accepted and/or disqualified.

KELAYAKAN / ELIGIBILITY

3. Kempen ini terbuka kepada:
The Campaign is open to:
 - (i) semua pemohon utama yang memohon Kad Kredit/-i BSN dan diluluskan oleh BSN semasa Tempoh Kempen (“**Pelanggan Layak Baharu**”).
*all principal applicants who apply for BSN Credit Card/-i and approved by BSN during the Campaign Period (“**New Eligible Customer(s)**”).*
 - (ii) pemegang utama Kad Kredit/-i BSN sedia ada (“**Pelanggan Layak Sedia Ada**”) yang belum mengaktifkan Kad Kredit/-i BSN dan menerima jemputan daripada BSN untuk menyertai Kempen ini melalui perkhidmatan pesanan ringkas (“**SMS**”) semasa Tempoh Kempen.
*existing principal BSN credit cardmembers (“**Existing Eligible Customer(s)**”) who have yet to activate their BSN Credit Card/-i and received an invitation from BSN to participate in this Campaign through short messaging service (“**SMS**”) during the Campaign Period.*

Pelanggan Layak Baharu dan Pelanggan Layak Sedia Ada hendaklah dirujuk secara kolektif sebagai (“**Pelanggan Layak**”).

*New Eligible Customer(s) and Existing Eligible Customer(s) shall be referred to collectively as (“**Eligible Customer(s)**”).*



TERMA DAN SYARAT – KEMENAKTIFKAN, BELANJA & DAPATKAN

PULANGAN TUNAI RM50

TERMS AND CONDITIONS – ACTIVATE, SPEND & GET RM50 CASH BACK
REWARD CAMPAIGN

4. Individu-individu berikut TIDAK LAYAK untuk menyertai Kempen ini:
The following individuals are NOT ELIGIBLE to participate in this Campaign:

- (i) Pemegang Kad Kredit/-i BSN tambahan;
Supplementary BSN Credit Card/-i members;
 - (ii) Pemegang utama Kad Kredit/-i BSN sedia ada yang tidak dijemput untuk mengambil bahagian dalam Kempen di mana mereka tidak menerima SMS daripada BSN sepetimana yang dinyatakan di atas;
Existing principal BSN Credit Card/-i members who are not invited to participate in the Campaign, i.e. those who do not receive the SMS from BSN as specified above;
 - (iii) Ahli Kad yang membatalkan atau menutup atau menamatkan Kad Kredit/-i BSN untuk apa jua alasan, sama ada secara sukarela atau tidak dalam Tempoh Kempen atau selepas Tempoh Kempen (sehingga Ganjaran Pulangan Tunai dikreditkan ke akaun pemenang);
Cardmembers who cancelled or closed or terminated their BSN Credit Card/-i for any reason whatsoever, either voluntarily or involuntarily within the Campaign Period or after Campaign Period (until the Cash Back Reward have been credited into winners account);
 - (iv) Pemegang utama Kad Kredit/-i BSN sedia ada yang telah membatalkan Kad Kredit/-i BSN mereka dan telah memohon semula Kad Kredit/-i BSN baharu sebagai pemegang kad utama dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan itu;
Existing principal cardholders who have cancelled their BSN Credit Card/-i and have reapplied for a new BSN Credit Card/-i as a principal cardholder within twelve (12) months from the date of such cancellation;
 - (v) Ahli Kad yang mempunyai sebarang akaun dengan BSN yang dipercayai telah dioperasikan secara penipuan atau tidak sah, telah digantung, ditutup, dibatalkan, delinkuen dan/atau yang melanggar perjanjian mereka dengan BSN;
Cardmembers whose accounts with BSN are believed to be operated fraudulently or which have been invalid, suspended, closed, cancelled, delinquent and/or who are in breach of their agreement with BSN;
 - (vi) Ahli Kad yang merupakan kakitangan tetap atau kontrak BSN, anak syarikat atau syarikat-syarikat yang berkaitan dengan BSN.
Cardmembers who are permanent or contract employees of BSN, its subsidiaries or related companies.
5. Walau apa pun peruntukan di atas, BSN mempunyai budi bicara untuk menentukan kriteria kelayakan Pelanggan Layak untuk Kempen ini dari semasa ke semasa.
Notwithstanding the above, BSN shall have the discretion to decide on the eligibility criteria of the Eligible Customer(s) for the Campaign from time to time.



TERMA DAN SYARAT – KEMPEN AKTIFKAN, BELANJA & DAPATKAN

PULANGAN TUNAI RM50

TERMS AND CONDITIONS – ACTIVATE, SPEND & GET RM50 CASH BACK
REWARD CAMPAIGN

MEKANISME KEMPEN / CAMPAIGN MECHANISME

6. Pelanggan Layak mesti memenuhi kriteria berikut (“**Kriteria Kelayakan**”) dalam Tempoh Kempen:
*The Eligible Customer(s) must fulfill the following conditions (“**Qualifying Criteria**”) during the Campaign Period:*
 - (a) mengaktifkan Kad Kredit/-i BSN yang diluluskan; **DAN**
activate the approved BSN Credit Card/-i; AND
 - (b) membuat sekurang-kurangnya satu (1) perbelanjaan runcit minimum RM50 **atau** Pindahan Baki atau Pelan EasyCash (“**Perbelanjaan Yang Layak**”) semasa Tempoh Kempen.
*perform at least one (1) retail spend of minimum RM50 **or** Balance Transfer or EasyCash Plan (“**Qualifying Spend**”) during the Campaign Period.*
7. Tiada pendaftaran diperlukan untuk menyertai Kempen ini.
No registration is required to participate in this Campaign.
8. Perbelanjaan Yang Layak termasuk semua perbelanjaan runcit (iaitu tempatan, luar negara, dalam talian, pemotongan debit automatik, tambah nilai e-dompet), kecuali yang berikut:-
Qualifying Spend includes all retail transactions (i.e. local, overseas, online, auto debit, e-wallet reload), except for the following:-
 - (a) Pendahuluan tunai / Pulangan Tunai;
Cash advance / Cash Back;
 - (b) Transaksi runcit yang dibatalkan, dikembalikan, dipertikai, ditolak, batal, dibahagi dan/atau menipu;
Retail spending which is cancelled, refunded, disputed, unauthorized, void, split and/or fraudulent;
 - (c) Apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan yang dikenakan oleh BSN atau sebaliknya;
Any form of services or miscellaneous fees, including finance charges and fees such as late payment charges and government service tax imposed by BSN or otherwise;
 - (d) Urus niaga kuasi tunai – contoh: pertaruhan dan/atau transaksi permainan; dan
Quasi Cash transactions – e.g. betting and/or gaming transaction; and
 - (e) Urus niaga lain yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa.
Such other transaction as determined by BSN from time to time.



TERMA DAN SYARAT – KEMENAKTIFKAN, BELANJA & DAPATKAN

PULANGAN TUNAI RM50

TERMS AND CONDITIONS – ACTIVATE, SPEND & GET RM50 CASH BACK REWARD CAMPAIGN

9. Perbelanjaan Yang Layak dinilai berdasarkan tarikh dan masa (Waktu Malaysia) transaksi tersebut berjaya direkod dalam sistem BSN sepanjang Tempoh Kempen.
Tracking of the Qualifying Spend is based on transaction date and time (Malaysian Time) in which the transactions are successfully recorded in BSN's system throughout the Campaign Period.
10. Perbelanjaan yang dilakukan dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) pada tarikh transaksi diterima dan/atau diproses. Kadar tukaran adalah-berdasarkan kadar yang ditentukan oleh Visa International/ Mastercard Worldwide.
Any spending using foreign currency will be converted to Ringgit Malaysia (RM) on the date the transaction is received and/or processed. Exchange rate will be based on the rate determined by Visa International/Mastercard Worldwide.

GANJARAN PULANGAN TUNAI / CASH BACK REWARD

11. Selepas memenuhi Kriteria Kelayakan dan Perbelanjaan Yang Layak dalam Klausula 6 dan 8 masing-masing, Pelanggan Layak akan layak untuk Ganjaran Pulangan Tunai RM50 (“**Ganjaran Pulangan Tunai**”).
*Upon satisfying the Qualifying Criteria and Qualifying Spend in Clauses 6 and 8 respectively, the Eligible Customer(s) will be eligible for the Cash Back Reward of RM50 (“**Cash Back Reward**”).*
12. Setiap Pelanggan Layak berhak dan hanya akan menerima SATU (1) Ganjaran Pulangan Tunai, tanpa mengira bilangan Kad Kredit/-i BSN yang diluluskan dan diaktifkan.
Each Eligible Customer is entitled to and shall only receive ONE (1) Cash Back Reward, regardless of the number of approved and activated Credit Card/-i BSN.
13. Ganjaran Pulangan Tunai hanya diberikan kepada maksimum 900 Pelanggan Layak sepanjang Tempoh Kempen dan diberikan atas dasar yang pertama didahulukan, sehingga Ganjaran Pulangan Tunai ditebus sepenuhnya.
The Cash Back Reward is only given to a maximum of 900 Eligible Customer(s) throughout the Campaign Period and is given out on a first-come, first-served basis until the Cash Back Reward is fully redeemed.
14. Ganjaran Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Kredit/-i BSN Pelanggan Layak, iaitu Kad Kredit/-i BSN yang terawal memenuhi Perbelanjaan Yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Klausula-klausula 6 dan 8 di atas.
The Cash Back Reward will be credited into the Eligible Customer's BSN Credit Card/-i account, specifically the earliest BSN Credit Card/-i that fulfilled the Qualifying Spend in Clauses 6 and 8 above.

PEMILIHAN DAN PEMBERITAHUAN PEMENANG / WINNER SELECTION AND NOTIFICATION

15. Pelanggan Layak yang memenuhi Perbelanjaan Yang Layak seperti yang dinyatakan dalam Klausula-klausula 6 dan 8 di atas akan ditentukan sebagai pemenang atas dasar yang pertama didahulukan (“**Pemenang**”).



TERMA DAN SYARAT – KEMENAKTIFKAN, BELANJA & DAPATKAN

PULANGAN TUNAI RM50

TERMS AND CONDITIONS – ACTIVATE, SPEND & GET RM50 CASH BACK REWARD CAMPAIGN

Eligible Customer(s) who fulfills the Qualifying Spend in Clauses 6 and 8 above will be determined as winner based on first come, first served basis ("Winner(s)").

16. Ganjaran Pulangan Tunai akan dikreditkan ke akaun Kad Kredit/-i BSN Pemenang dalam tempoh dua belas (12) minggu dari tarikh tamat Tempoh Kempen.
Cash Back Reward will be credited to the Winner's BSN Credit Card/-i account within twelve (12) weeks from the end of the Campaign Period.
17. Butiran semua Pemenang (nama dan empat (4) nombor terakhir kad pengenalan) akan dipaparkan di www.bsn.com.my ("Laman Sesawang BSN") dan/atau emel dan/atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh BSN.
The list of Winners' details (name and last four (4) digit of identification number) will be published at www.bsn.com.my ("BSN's Website") and/or via email and/or any other method(s) deemed suitable by BSN.
18. Ganjaran Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dalam bentuk lain.
Cash Back Reward are strictly non-transferable and non-exchangeable to other form.
19. Akaun Kad Kredit/-i BSN Pemenang mestilah sah dan mempunyai rekod bayaran yang baik sepanjang Tempoh Kempen sehingga Ganjaran Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam Akaun Kad Kredit/-i BSN Pemenang. Jika, pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen, Pelanggan Layak membatalkan Kad Kredit/-i BSN atas apa jua sebab, penyertaannya dalam Kempen akan dibatal dan tidak sah dengan serta-merta.
The Winner's BSN Credit Card/-i account must be valid and in good payment record standing throughout the Campaign Period until the Cash Back Reward is credited into the Winner's BSN Credit Card/-i account. If, at any time during the Campaign Period, the Eligible Customer cancels the BSN Credit Card/-i for any reason whatsoever, his/her participation in the Campaign becomes null and void with immediate effect.
20. BSN berhak untuk memilih pemenang yang layak berikutnya untuk menggantikan Pemenang yang mungkin tidak layak atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab sepanjang Tempoh Kempen.
BSN reserves the right to select the subsequent eligible winner to substitute the Winners who may be ineligible or disqualified for any reason whatsoever throughout the Campaign Period.
21. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Pelanggan Layak dan/atau Pemenang, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.
BSN's decisions relating to the Campaign is final, binding on all Eligible Customer and/or Winner, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.



TERMA DAN SYARAT – KEMENAKTIFKAN, BELANJA & DAPATKAN

PULANGAN TUNAI RM50

TERMS AND CONDITIONS – ACTIVATE, SPEND & GET RM50 CASH BACK REWARD CAMPAIGN

22. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Peserta Layak berhubung penyertaan dalam Kempen ini.

BSN cannot guarantee and does not promise any specific results to the Eligible Participants in relation to the participation in this Campaign.

23. BSN tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Ganjaran Pulangan Tunai yang hilang, dicuri, atau rosak.

BSN shall not be responsible to replace any lost, stolen or defective Cash Back reward.

HAK BANK / BANK'S RIGHT

24. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung, menarik balik atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa dan atas apa jua sebab termasuklah tetapi tidak terhad kepada sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan Layak dan/atau Pemenang secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right to modify, suspend, withdraw or cancel this Campaign at any time and for any reason whatsoever including but not limited to in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Customer and/or the Winner directly or indirectly, caused by the changes.

25. BSN berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan Layak dan/atau Pemenang yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Kempen, operasi Kempen ini atau melanggar Terma dan Syarat Kempen. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percaya telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan buruk Kempen ini.

BSN reserves the right, in its discretion, to disqualify any Eligible Customer and/or Winner that is found or suspected of tampering with the Campaign's process, the operation of this Campaign or to be in violation of the Terms and Conditions of this Campaign. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

26. Pelanggan Layak dan/atau Pemenang adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini.



TERMA DAN SYARAT – KEMPEN AKTIFKAN, BELANJA & DAPATKAN

PULANGAN TUNAI RM50

TERMS AND CONDITIONS – ACTIVATE, SPEND & GET RM50 CASH BACK REWARD CAMPAIGN

The Eligible Customer and/or the Winner shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.

27. Sebarang kos, fi dan/atau perbelanjaan yang dikeluarkan untuk menyertai Kempen ini dan/atau menuntut Ganjaran Pulangan Tunai adalah di bawah tanggungjawab penuh Pelanggan Layak dan/atau Pemenang.

Any cost, fee and/or expenses incurred to participate in this Campaign and/or to redeem the Cash Back Reward is the sole responsibility of the Eligible Customer and/or Winner.

28. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal seperti penambahbaikan sistem dan sebagainya yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini.

BSN is not responsible for technical problems such as system upgrading and other similar things that prevent any individual from participating in this Campaign.

29. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Pelanggan Layak dan/atau Pemenang berhubung penyertaan dalam Kempen ini.

BSN does not guarantee and does not promise any specific results to the Eligible Customer and/or Winner in relation to the participation in this Campaign.

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

30. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dan/atau Pemenang dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membentarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:

By participating in this Campaign, the Eligible Customer and/or Winner hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to, the personal data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any,:;

- a) untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN; atau
for the purposes of this Campaign in accordance with BSN's Privacy Notice, which may be viewed on BSN's Website; or
- b) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or



TERMA DAN SYARAT – KEMPEN AKTIFKAN, BELANJA & DAPATKAN

PULANGAN TUNAI RM50

TERMS AND CONDITIONS – ACTIVATE, SPEND & GET RM50 CASH BACK
REWARD CAMPAIGN

- c) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau
to comply with a Court order or direction; or
- d) untuk mengesahkan status akaun Pelanggan Layak dan/atau Pemenang dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
to verify the Eligible Customer's and/or Winner's account status with any third party (if relevant); or
- e) apabila diminta secara bertulis oleh Peserta yang Layak / Pemenang; atau
where the Eligible Customer and/or Winner requests in writing; or
- f) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.
to protect and defend BSN or BSN's asset.

Sekiranya terdapat sebarang perenggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN, terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.

In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy, the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy shall prevail.

31. Pelanggan Layak dan/atau Pemenang memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Pelanggan Layak dan/atau Pemenang atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut, jika berkaitan.
The Eligible Customer and/or Winner hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Eligible Customer's and/or Winner's account or banking services and authorises such disclosure by such person, if relevant.

32. Pelanggan Layak dan/atau Pemenang mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:
The Eligible Customer and/or Winner has the right at any time to:

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
Withdraw their consent for the use of Personal Data;
- b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan
Request for any correction/update of Personal Data; and
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi
Raise any questions regarding the use of Personal Data

dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.
by contacting BSN as stated in the BSN's Privacy Policy.



TERMA DAN SYARAT – KEMENAKTIFKAN, BELANJA & DAPATKAN

PULANGAN TUNAI RM50

TERMS AND CONDITIONS – ACTIVATE, SPEND & GET RM50 CASH BACK REWARD CAMPAIGN

33. Pelanggan Layak dan/atau Pemenang bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjelaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen ini oleh Pelanggan Layak dan/atau Pemenang yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Pelanggan Layak.

The Eligible Customer and/or Winner agrees that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Eligible Customer's participation in this Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Eligible Customer.

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

34. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dan/atau Pemenang dianggap telah bersetuju:

By participating in this Campaign, all Eligible Customer(s) and/or Winner(s) are deemed to have agreed:

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan; dan

To be bound by the Terms and Conditions herein and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and

- b) Untuk mengakses Laman Sesawang BSN dan / atau mana- mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikannya sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.

To access to BSN's Website and / or any BSN's official social media page on a regular basis to ensure that they are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.

35. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen dan/atau Ganjaran Pulangan Tunai.

In all circumstances, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign and/or Cashback Rewards.

36. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungan dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan Layak dan/atau Pemenang yang diakibatkan secara langsung atau tidak



TERMA DAN SYARAT – KEMPEN AKTIFKAN, BELANJA & DAPATKAN

PULANGAN TUNAI RM50

TERMS AND CONDITIONS – ACTIVATE, SPEND & GET RM50 CASH BACK REWARD CAMPAIGN

langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkinan obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by the Eligible Customer and/or Winner resulting, directly or indirectly, from participation in the Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be held liable for any default of its obligation under the Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

37. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dan/atau Pemenang memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumatnya untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dan pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Pelanggan Layak dan/atau Pemenang tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut.

By participating in this Campaign, the Eligible Customer and/or Winner consents to BSN the right to publish or display their name, picture or any other information for current and future advertising and promotional purposes and winner announcement in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Eligible Customer and/or Winner is not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.

38. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatal atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Pelanggan Layak dan/atau Pemenang. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan Layak dan/atau Pemenang secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall



TERMA DAN SYARAT – KEM PEN AKTIFKAN, BELANJA & DAPATKAN

PULANGAN TUNAI RM50

TERMS AND CONDITIONS – ACTIVATE, SPEND & GET RM50 CASH BACK REWARD CAMPAIGN

be binding on the Eligible Customer and/or Winner. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Customer and/or Winner, directly or indirectly, caused by the changes.

39. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Pelanggan Layak dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Pelanggan Layak melalui paparan di BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.

Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Customer and be deemed to be brought to the Eligible Customer's attention and knowledge by its display at BSN or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN's official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit.

40. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Kempen ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara pihak BSN.

In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions will be determined by BSN at its discretion.

41. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance with the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

42. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di 1300 88 1900.

For more information and query relating to the Campaign, please contact BSN Customer Contact Centre at 1300 88 1900.

**- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS-**